



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI  
KOD KURSUS : DSM 1043 / DPI 2093  
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018  
MASA : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas Graf

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

**Jadual 1** di bawah menunjukkan Harga Barang A dan kuantiti permintaan bagi Barang A dan Barang B dan pendapatan pengguna.

Harga Barang A (RM/kg)	Kuantiti permintaan		Pendapatan Pengguna (RM)
	Barang A (kg)	Barang B (kg)	
6.00	100	20	2000
6.50	90	30	1800
7.00	70	50	1600
7.50	40	70	1400
8.00	10	85	1200

**Jadual 1**

Berdasarkan **jadual 1** di atas:

- Kirakan keanjalan permintaan harga untuk Barang A apabila harga Barang A meningkat dari RM7.00 ke RM8.00.  
(2 markah)
- Berdasarkan di (a), apakah jenis keanjalan barang A.  
(1 markah)
- Kirakan keanjalan permintaan silang bagi Barang B apabila harga Barang A jatuh dari RM7.50 ke RM6.50.  
(2 markah)
- Berdasarkan jawapan di (b), apakah jenis hubungan antara Barang A dan Barang B? Kenapa?  
(2markah)
- Kirakan keanjalan pendapatan untuk Barang B apabila pendapatan meningkat dari RM1600 ke RM2000.  
(2 markah)
- Berdasarkan jawapan di (e), apakah jenis barang tersebut?  
(1 markah)

**SOALAN 2**

**Jadual 2** di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran bagi buah limau di Kluang.

Harga (RM/kg)	Kuantiti permintaan	Kuantiti penawaran
2.00	120	30
3.00	100	40
4.00	80	50
5.00	60	60
6.00	40	70
7.00	20	80

**Jadual 2**

Berdasarkan **jadual 2** di atas:

- Lukiskan keluk permintaan dan penawaran di atas graf yang sama.  
(3 markah)
- Kirakan harga dan kuantiti keseimbangan.  
(1 markah)
- Jika kerajaan mengenakan cukai sebanyak RM 1.00 bagi setiap unit pengeluaran produk tersebut;
  - Lukiskan di atas graf yang sama di (a) kesan ke atas kenaikan cukai yang dikenakan.  
(2 markah)
  - Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan yang baru?  
(1 markah)
  - Kirakan beban yang ditanggung oleh pengeluar dan pengguna.  
(2 markah)
- Tentukan jumlah hasil yang dipungut oleh kerajaan.  
(1 markah)

**SOALAN 3**

Jadual 3 di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

Butiran	RM bilion
Eksport bersih	10.2
Perbelanjaan kerajaan	30.1
Perbelanjaan penggunaan isi rumah	40.9
Pembentukan modal tetap kasar	20.7
Keuntungan tak dibahagi	5.7
Cukai keuntungan syarikat	4.5
Bunga ke atas pinjaman pengguna	4.1
Bayaran pindahan	2.7
Kenaikan dalam stok	-0.4
Bunga ke atas pinjaman kerajaan	4.8
Caruman KWSP	2.1
Susutnilai	5.0
Cukai tak langsung	7.1
Subsidi	2.4
Pendapatan faktor bersih dari luar negara	-1.2
Caruman PERKESO	3.1
Cukai pendapatan individu	4.2

**Jadual 3**

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ( $KDNK_{hp}$ )  
(2 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor ( $KNK_{kf}$ )  
(2 markah)
- Keluaran Negara Bersih  
(2 markah)
- Pendapatan persendirian  
(2 markah)
- Pendapatan boleh guna  
(2 markah)

**SOALAN 4**

Data kewangan Negara JKK adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	251
Deposit tetap dan simpanan di bank perdagangan	311
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	45
Sijil Deposit bolehniaga	854
Deposit tetap dan simpanan di bank saudagar	211
Deposit tetap di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	72
Deposit semasa	88

**Jadual 4**

- a. Jika wang fiat ialah RM 322 juta, berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

- b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

- c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi).

(2 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan kos lepas?  
(2 markah)
- b. Nyatakan **empat (4)** jenis barang yang wujud di dalam ekonomi.  
(4 markah)
- c. Dengan bantuan gambar rajah, terangkan konsep kekurangan, kos lepas dan pilihan.  
(8 markah)
- d. Huraikan ciri-ciri yang membezakan sistem ekonomi pasaran bebas dengan sistem ekonomi terancang.  
(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Berpandukan gambar rajah, apakah yang dimaksudkan dengan permintaan dan keluk permintaan.  
(4 markah)
- b. Dengan bantuan gambar rajah, huraikan bagaimana perubahan berikut mempengaruhi keluk permintaan *kek*.  
(6 markah)
  - i. Kenaikan harga *kek*.
  - ii. Citarasa pengguna beralih kepada *kuih tradisional*.
- c. Bezakan antara keluk permintaan anjal sempurna dan tidak anjal sempurna.  
(4 markah)
- d. Berpandukan rajah, terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi peralihan keluk penawaran.  
(6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Berdasarkan gambar rajah, apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran?  
(3 markah)
- b. Jelaskan kesan keluk penawaran, beban kepada pengguna dan pengeluar apabila kerajaan mengenakan cukai kepada barang-barang dan perkhidmatan.  
(8 markah)
- c. Huraikan **tiga (3)** masalah pengiraan pendapatan negara.  
(6 markah)
- d. Senaraikan **tiga (3)** kaedah pengiraan pendapatan negara.  
  
(3 markah)

**SOALAN 4**

- a. Apakah maksud wang sah dan wang fiat?  
(4 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** fungsi bank perdagangan?  
(6 markah)
- c. Apakah jenis-jenis halangan dalam perdagangan?  
(4 markah)
- d. Huraikan kebaikan dan keburukan perdagangan antarabangsa.  
(6 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**